



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**INTEGRASI ETNIK DALAM NOVEL KANAK-KANAK  
PEMENANG HADIAH SAYEMBARA ANJURAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

**FAEZAH BINTI MUHAYAT**

**FBMK 2022 35**



**INTEGRASI ETNIK DALAM NOVEL KANAK-KANAK  
PEMENANG HADIAH SAYEMBARA ANJURAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Oleh

**FAEZAH BINTI MUHAYAT**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat  
keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2022**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**INTEGRASI ETNIK DALAM NOVEL KANAK-KANAK  
PEMENANG HADIAH SAYEMBARA ANJURAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Oleh

**FAEZAH BINTI MUHAYAT**

Januari 2022

**Pengerusi : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Integrasi etnik dalam novel kanak-kanak ialah proses penyatuan pelbagai kelompok bangsa melalui pengenalan dan pewujudan satu identiti yang sama melalui cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak. Kajian ini dilakukan rentetan daripada laporan oleh beberapa kajian yang mendapati bahawa tahap sosialisasi kanak-kanak pelbagai etnik di negara ini berada pada tahap rendah dan tidak mesra. Dapatan ini menunjukkan petanda kurang sihat generasi muda dalam proses mewujudkan integrasi etnik. Menurut pandangan sarjana, pendekatan kesusasteraan sebagai alat penyatuan etnik adalah berkesan kerana hasil karya sastera dalam pelbagai bentuk dapat memupuk perpaduan. Hal ini dapat dilihat melalui penyampaian cerita yang dapat memberi inspirasi dan mendidik sikap serta emosi manusia kepada kehidupan kerohanian yang jujur, ikhlas, berbudi bahasa, bersyukur dan bertolak ansur. Lantaran itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti integrasi etnik dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berdasarkan konsep 'integrasi etnik' yang dikemukakan oleh tokoh sarjana, menganalisis aspek-aspek integrasi etnik tersebut berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik janaan Model Proses Integrasi Ali Mazrui (1969) dan seterusnya merumuskan tahap integrasi dominan yang terdapat dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP. Untuk mencapai objektif ini, sepuluh buah novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP telah dipilih untuk dianalisis. Berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik, dapatan kajian menemukan sebanyak lapan daripada sepuluh buah novel kanak-kanak telah menunjukkan tahap integrasi dominan, iaitu pada tahap 3 dan tahap 4. Novel-novel yang mencapai integrasi tahap 3 ialah novel *Namanya Solstis* (2010), *Rahsia Dhia* (2014), *Iqbal Membina Jaya* (2015) dan *Musim Luruh Terakhir di Hachioji* (2009). Manakala novel kanak-kanak yang berada pada tahap 4 pula ialah *Memori Atikah* (2002), *Ekspedisi Merentas Zaman* (2009), *Gerbang Pelangi* (2015) dan *Sahabatku Isa YB* (2016). Kajian juga mendapati bahawa

pengarang novel *Gerbang Pelangi* (2015) telah menerapkan keempat-empat aspek integrasi etnik dalam penceritaannya. Pada tahap 3 dan tahap 4, hubungan kanak-kanak menjadi kompleks, beragam, saling bergantung dan mencapai keserasian sehingga mencapai tahap integrasi maksimum, iaitu berlaku penyatuan (asimilasi) dalam pergaulan kanak-kanak berlainan etnik. Kanak-kanak ini dilihat serasi berkawan dan selesa mengamalkan cara hidup rakan-rakan berlainan etnik tanpa paksaan. Hasil kajian ini merumuskan bahawa novel kanak-kanak berupaya menjadi medium integrasi etnik dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **ETHNIC INTEGRATION IN PRIZE-WINNING CHILDREN'S NOVELS OF A COMPETITION ORGANIZED BY DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

By

**FAEZAH BINTI MUHAYAT**

**January 2022**

**Chairman : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD.**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Ethnic integration in children's novels is the process of uniting various racial groups through the introduction and existence of a common identity through stories set based on the background of children's worlds. This study was conducted from a line of research reports by several studies that found the level of socialization of multi-ethnic children in this country is at a low level and unfriendly. These findings indicate an unhealthy sign of the younger generation in the process of creating ethnic integration. According to scholars, the literary approach as a tool of ethnic unification is effective because literary works in various forms can foster unity through storytelling based on real life stories that can inspire and educate human attitudes and emotions to an honest, sincere, courteous, grateful and tolerant spiritual life. Therefore, this study was conducted with the aim to identify ethnic integration in the prize-winning children's novels, organized by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) based on the concept of 'ethnic integration' that was put forward by scholars, to analyze the aspects of ethnic integration based on the Multi-Ethnic Children's Integration Model that was generated by Ali Mazrui's Integration Process Model (1969) and then, to summarize the dominant level of integration found in the prize-winning children's novels in competitions, organized by DBP. To achieve these objectives, ten children's novels that won prizes in the competitions, that were organized by DBP, were selected for analysis. Based on Multi-Ethnic Children's Integration Model, the study found that eight out of ten children's novels have shown a dominant integration stage, that are at Level 3 and Level 4. Novels that successfully achieved integration level 3 are *Namanya Solstis* (2010), *Rahsia Dhia* (2014), *Iqbal Membina Jaya* (2015) and *The Last Autumn in Hachioji* (2009). Children's novels that are at level 4 are *Memori Atikah* (2002), *Ekspedisi Merentas Zaman* (2009), *Gerbang Pelangi* (2015), and *Sahabatku Isa YB* (2016). The study also found that the author of the novel, *Gerbang Pelangi* (2015) has successfully applied all four aspects of ethnic integration in his storytelling. At level 3 and level 4, children's relationships become complex, diverse, interdependent and achieve compatibility up to the maximum level of integration that is the occurrence of unity (assimilation) in the conversation

between a mix of children of different ethnicities. These children are seen as compatible with friends and comfortable practicing the way of life with friends from different ethnicities without coercion. The results of this study concluded that children's novels are able to be a medium of ethnic integration among children in Malaysia.



## PENGHARGAAN



### “Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Ucapan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana telah memberikan kekuatan dan kesihatan kepada saya untuk menyiapkan kerja-kerja penulisan tesis doktor falsafah ini dalam masa yang dijangkakan. Sesungguhnya mana yang sempurna dan baik itu datangnya daripada Allah dan yang kurang sempurna datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri. Semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini, iaitu **Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Dr. Fazilah Husin** dan **Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin** yang sentiasa memberikan kerjasama, berkongsi ilmu, nasihat dan pandangan yang sangat berguna sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Rakaman penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak menitipkan ilmu sepanjang proses pembelajaran dijalankan. Seterusnya, sekalung penghargaan ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka atas kepercayaan dan tajaan sepanjang tiga tahun pengajian di UPM. Tidak dilupakan buat semua rakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya di Bahagian Penyelidikan Sastera, Pusat Dokumentasi Melayu, Akademi DBP dan Bahagian Majalah yang banyak membantu dalam proses menyiapkan penulisan tesis ini. Penghargaan ini juga buat adinda Noraini Zainal Abidin yang banyak berkongsi ilmu dalam proses akhir penyediaan tesis ini.

Akhirnya, sanjungan dan penghargaan yang tidak terhingga ditujukan buat abah dan mak tercinta, **Allahyarham Haji Muhayat bin Basman** dan **Allahyarhamah Hajah Baeyah binti Karim** yang banyak mengajar erti kesungguhan dan ketabahan dalam menempuh kehidupan. Terima kasih atas segala-galanya. Mak dan abah sentiasa dalam kenangan dan sumber inspirasi saya selamanya. Tidak dilupakan buat kekasih hati, **Ahmad Zawawi bin Mojahid** dan empat orang permata kesayangan, **Nurin Zulaikha, Ahmad Zarif Zaquan, Ahmad Zahin Zafran** dan **Ahmad Zaqif Zayyan** serta seluruh keluarga yang sentiasa ada di kala susah dan senang. Terima kasih atas pengorbanan, kesetiaan, kesabaran dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi selama ini.

Wassalam.

### **FAEZAH BINTI MUHAYAT**

Program PhD Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Fazilah binti Husin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Faezah binti Muhayat, GS54188

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi : \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa : Profesor Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik  
Penyeliaan : Muhamad Affendi

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli : \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa : Dr. Fazilah binti Husin  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli : \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa : Profesor Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.5.1 Kepentingan kepada Penulis dan Penerbit	9
1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat	9
1.6 Batasan Kajian	9
1.6.1 Batasan Bahan	9
1.6.2 Batasan Aspek	11
1.7 Definisi Operasional	12
1.7.1 Integrasi	12
1.7.2 Etnik	15
1.7.3 Integrasi Etnik	18
1.7.4 Novel Kanak-kanak	21
1.7.5 Sayembara	22
1.8 Kesimpulan	26
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	27
2.2 Sorotan Literatur yang Lepas	27
2.2.1 Sorotan Literatur Integrasi Etnik dalam Karya Sastera	27
2.2.2 Sorotan Literatur Sastera Kanak-kanak	37
2.2.3 Sorotan Literatur Novel Kanak-kanak	44
2.2.4 Sorotan Literatur Model Proses Integrasi Ali Mazrui	49
2.3 Kesimpulan	52
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	53
3.2 Reka Bentuk Kajian	53

	3.2.1	Kaedah Kepustakaan	53
	3.2.2	Analisis Teks	54
3.3		Penggunaan Teori	56
	3.3.1	Latar Belakang Model Proses Integrasi Ali Mazrui	56
	3.3.2	Prinsip-prinsip Model Proses Integrasi Ali Mazrui	58
	3.3.3	Pengubahsuaian Model Proses Integrasi Ali Mazrui Menjadi Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	62
3.4		Rasional Pemilihan Model Proses Integrasi Ali Mazrui	64
3.5		Instrumen Kajian	65
3.6		Bahan Kajian	65
3.7		Prosedur Pengumpulan Data	65
3.8		Prosedur Menganalisis Data	66
	3.8.1	Langkah-langkah Analisis Teks	66
	3.8.2	Mengkategori Data	67
	3.8.3	Peringkat Akhir (Analisis)	67
3.9		Kerangka Konseptual Kajian	67
3.10		Kesimpulan	68
<b>4</b>		<b>ANALISIS DAN DAPATAN</b>	
	4.1	Pengenalan	69
	4.2	Integrasi Etnik dalam Novel Kanak-Kanak Pemenang Hadiah Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	69
	4.2.1	Integrasi Sosial	69
	4.2.2	Integrasi Budaya	70
	4.2.3	Integrasi Ekonomi	72
	4.2.4	Integrasi Pendidikan	73
	4.3	Analisis Integrasi Etnik dalam Novel Kanak-kanak Pemenang Hadiah Sayembara Anjuran DBP Berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	75
	4.3.1	Integrasi Sosial	75
	4.3.1.1	Prihatin	76
	4.3.1.2	Hormat-menghormati	81
	4.3.1.3	Ziarah-menziarahi	86
	4.3.1.4	Kerjasama	89
	4.3.2	Integrasi Budaya	96
	4.3.2.1	Penyatuan Etnik melalui Budaya Kebendaan	96
	4.3.2.2	Penyatuan Etnik melalui Budaya Bukan Kebendaan	105
	4.3.3	Integrasi Ekonomi	122
	4.3.3.1	Keseimbangan Ekonomi antara Etnik	122
	4.3.3.2	Perkongsian Ekonomi antara Etnik	124

4.3.4	Integrasi Pendidikan	128
4.3.4.1	Penyatuan Etnik melalui Pendidikan Formal	128
4.3.4.2	Penyatuan Etnik melalui Pendidikan Tidak Formal	132
4.4	Rumusan Tahap Integrasi Dominan yang Terdapat dalam Novel Kanak-kanak Pemenang Hadiah Sayembara Anjuran DBP	137
4.4.1	Integrasi Etnik Tahap 4: Asimilasi	138
4.4.2	Integrasi Etnik Tahap 3: Akulturasi	139
4.4.3	Integrasi Etnik Tahap 2: Akomodasi	139
4.4.4	Integrasi Etnik Tahap 1: Segregasi	139
4.7	Kesimpulan	140
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	142
5.2	Rumusan Keseluruhan	142
5.3	Harapan dan Cadangan	145
5.3.1	Ibu Bapa	145
5.3.2	Penulis Karya Sastera Kanak-kanak	146
5.3.3	Penganjur Sayembara	146
5.3.4	Penerbit Buku Kanak-kanak	147
5.4	Penutup	149
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	151
	<b>LAMPIRAN</b>	167
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	186
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	187

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Novel Kanak-kanak Pemenang Hadiah Sayembara Anjuran DBP (Terbitan Tahun 2000-an)	167
4.1	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (Ringgit Malaysia) Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2019	168
4.2	Rumusan Perkaitan antara Integrasi Sosial dalam Novel Kanak-kanak dengan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	169
4.3	Rumusan Perkaitan antara Integrasi Budaya dalam Novel Kanak-kanak dengan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	174
4.4	Rumusan Perkaitan antara Integrasi Ekonomi dalam Novel Kanak-kanak dengan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	177
4.5	Rumusan Perkaitan antara Integrasi Pendidikan dalam Novel Kanak-kanak dengan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	179
4.6	Rumusan Keseluruhan Tahap Integrasi Dominan dalam Novel Kanak-kanak Berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	137

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Model Proses Integrasi Ali Mazrui	62
3.2	Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik	63
3.3	Langkah-langkah dalam Menganalisis Data Kajian	66





## SENARAI SINGKATAN

ASAS 50	Angkatan Sasterawan '50
BAYU	Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
BH	Berita Harian
DBK	Dasar Bahasa Kebangsaan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
DPN	Dasar Pembangunan Negara
DWN	Dasar Wawasan Negara
HKS	Hadiah Karya Sastera
HSM	Hadiah Sastera Malaysia
HSPM	Hadiah Sastera Perdana Malaysia
IBBY	<i>International Board on Books for Young People</i>
ITBM	Institut Terjemahan Buku Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KITA	Institut Kajian Etnik
KOMSAS	Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LRT	Laporan Rahman Talib
MBBY	<i>The Malaysian Board on Books for Young People</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

PDM	Pusat Dokumentasi Melayu
PENA	Persatuan Penulis Nasional
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PURNAMA	Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SAW	<i>Sallallahu alaihi wasallam</i>
SDH	Sekolah Dalam Hospital
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SKKJ	Sekolah Kebangsaan Kampung Jati
SKKL	Sekolah Kebangsaan Kuala Lumpur
SM	Sebelum Masihi
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SWT	<i>Subhanahuwataala</i>
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-kanak
TRF	Teori Rasa Fenomenologi
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
YAB	Yang Amat Berhormat
YPBN	Yayasan Pembangunan Buku Negara
ZA'BA	Zainal Abidin Ahmad

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Peranan dan kepentingan karya sastera termasuk novel kanak-kanak dalam memberi manfaat kepada masyarakat tidak perlu disangkal lagi. Beberapa kajian telah memperlihatkan bahawa karya sastera berupaya mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Antaranya ialah penelitian oleh Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) yang menyatakan bahawa sastera kanak-kanak menggalas peranan penting dalam mempengaruhi corak pemikiran, pembentukan personaliti dan emosi kanak-kanak melalui pembacaan. Hal ini menjadikan mereka bukan sahaja aktif daripada aspek emosi, malahan jasmani, rohani dan penaakulan.

Dalam pada itu, pendapat yang sama turut dikemukakan oleh Burhan Nurgiyantoro (2017) yang menyatakan bahawa karya sastera termasuk novel kanak-kanak dapat merangsang dan membantu perkembangan peribadi kanak-kanak melalui pemaparan watak-watak dan tema yang baik serta menjadi contoh teladan kepada kanak-kanak. Seiring dengan perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia, tema integrasi etnik merupakan salah satu tema yang sesuai diterapkan dalam novel kanak-kanak kerana tema ini memberikan pendedahan kepada kanak-kanak cara bersosialisasi dengan masyarakat di luar kelompok bangsa mereka. Dalam hal ini, integrasi etnik dalam novel kanak-kanak ialah proses penyatuan pelbagai kelompok bangsa melalui pengenalan dan pewujudan satu identiti yang sama melalui cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak. Tema dan persoalan integrasi etnik yang dikemukakan ini mencakupi hal yang berkaitan dengan etnik-etnik lain supaya menjadi cerminan kepada masyarakat dan identiti bangsa Malaysia. Pandangan sebegini turut diperkatakan oleh Abdul Rahman Embong (1997:107) yang berpendapat:

Isi kandungan sastera nasional sangat penting. Pada hemat saya, karya sastera di Malaysia hari ini harus mengandungi cita-cita patriotisme dan nasionalisme Malaysia yang bersifat terbuka dan progresif... Karya-karya itu tidak seharusnya menggambarkan kehidupan dan pengalaman satu kumpulan etnik sahaja, tetapi harus merangkumi kebanyakan atau semua kelompok etnik yang membentuk bangsa Malaysia.

Berdasarkan kenyataan ini, jelas bahawa penekanan terhadap aspek integrasi etnik dapat memberi pemahaman kepada kanak-kanak tentang kemajmukan masyarakat dan kepelbagaian budaya yang terdapat di negara ini. Usaha ini secara tidak langsung dapat mendidik kanak-kanak untuk mengenali dan

memahami sejarah kehidupan etnik lain, sekali gus memperteguh identiti bangsa Malaysia yang hidup harmoni dan bersatu padu.

Lanjutan itu, umum mengetahui bahawa kelompok kanak-kanak merupakan golongan terpenting dalam sesebuah negara. Menurut Azman Wan Chik (1989), kelompok ini akan meneruskan agenda pembangunan negara, mengambil alih kepimpinan masa depan dan menjadi penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan negara. Mahzan Arshad (2004) pula menegaskan bahawa kanak-kanak ialah komponen pelapis dalam sesebuah negara yang mampu menjana pemantapan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Golongan kanak-kanak ini yang akan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa, termasuklah dunia sastera yang semakin berkembang. Lantaran itulah, penekanan terhadap persoalan dan pengisian cerita dalam sesebuah novel kanak-kanak wajar diberi perhatian yang serius oleh para penulis kerana medium ini memberi impak yang besar terhadap perkembangan minda kanak-kanak (Affizal Ahmad, 2015).

Seiring dengan pengisian karya sastera kanak-kanak, Sumardi (2003) dalam bukunya *Teknik Menulis Cerita Anak* telah menyarankan enam ciri cerita kanak-kanak yang dianggap baik dan memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak. Ciri-ciri tersebut ialah (i) memberikan kesenangan, (ii) menawarkan penceritaan sebagai cara mendidik, (iii) mengembangkan imaginasi, (iv) memberikan beraneka ragam pengalaman (v) mengembangkan kemampuan dalam diri terhadap perilaku manusia, dan (vi) menghadirkan pengalaman universal. Sekiranya keenam-enam ciri ini diserapkan dalam karya sastera kanak-kanak, maka secara tidak langsung personaliti kanak-kanak dapat membangunkan dengan moral yang baik.

Hal ini dikatakan demikian kerana melalui mesej yang baik dalam novel yang dibaca, kanak-kanak akan mempelajari sesuatu daripada pengalaman pembacaan mereka. Interaksi antara pembaca dengan karya yang dibacanya memberikan terapi yang dapat meningkatkan daya fikir kanak-kanak untuk bertindak dan berkelakuan baik sebagaimana yang diperlihatkan oleh pengarang melalui watak-watak yang dipaparkan dalam cerita. Menerusi watak-watak yang ditemui dalam cerita, kanak-kanak seolah-olah dapat merasai sendiri pengalaman yang dilalui oleh watak-watak yang ditonjolkan. Segala pengalaman yang dilalui oleh watak-watak ini, boleh diambil sebagai iktibar oleh kanak-kanak untuk dijadikan panduan dalam hidup mereka (Atan Long, 1984).

Oleh yang demikian, karya sastera kanak-kanak khususnya novel perlu diberi perhatian dan penekanan yang sewajarnya oleh para penulis termasuk mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan integrasi etnik agar genre ini berupaya mendidik dan melahirkan generasi muda yang mempunyai sikap toleransi dan semangat muhibah yang tinggi. Berbanding jenis bahan bacaan kanak-kanak yang lain seperti cerpen, drama, puisi dan buku bergambar, genre novel lazimnya dibaca oleh kanak-kanak golongan pertengahan, iaitu

lingkungan usia sepuluh hingga 12 tahun yang dianggap sudah mahir membaca sendiri dan matang dalam pemikiran. Perkara ini turut diakui oleh Affizal Ahmad (2015:8) melalui kenyataan berikut:

Kanak-kanak pertengahan berada dalam alam persekolahan. Oleh itu, buku cerita kanak-kanak pertengahan ini lebih bersifat perkongsian dan memperkaya ilmu serta mengandungi pelbagai corak cerita yang disertai dengan pengetahuan dan teladan. Unsur logik dan abstrak juga diselitkan dalam cerita tersebut. Pembacaan buku cerita membantu merangsang minda, menajamkan fikiran dan meningkatkan kematangan berfikir kanak-kanak.

Lantaran itu, tema-tema yang diketengahkan dalam novel kanak-kanak harus berupaya mengungkapkan pemikiran kanak-kanak dengan lebih mencabar sesuai dengan usia, kematangan dan tahap pemikiran mereka. Justeru, tema dan persoalan integrasi etnik wajar diketengahkan dalam novel kanak-kanak kerana dapat memupuk perpaduan dan toleransi dalam kalangan kanak-kanak sesuai dengan latar masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Menurut Lee Lam Thye (2018), apabila kanak-kanak diberi peluang untuk saling mengenali, memahami dan menghayati rakan mereka yang mempunyai warna kulit, latar budaya dan agama yang berbeza, secara tidak langsung nilai-nilai keharmonian, perpaduan dan kedamaian antara etnik dapat dipupuk dalam kalangan generasi muda.

Sehubungan dengan itu, melalui pembacaan novel kanak-kanak yang menerapkan elemen integrasi etnik, semangat muhibah dalam kalangan kanak-kanak dapat dibentuk, toleransi dan perasaan hormat-menghormati antara etnik dapat dipupuk, sekali gus dapat melahirkan individu dan generasi muda yang bertanggungjawab dalam mengekalkan keharmonian negara. Penerapan elemen integrasi etnik ini juga dapat membentuk peribadi serta tingkah laku kanak-kanak yang positif supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia selaras dengan kehendak hidup bermasyarakat (Eh Chot Cha Chan, 2015). Justeru, penerapan integrasi etnik dalam penulisan novel kanak-kanak wajar diberikan perhatian agar dapat membentuk kanak-kanak yang memiliki sensitiviti yang tinggi terhadap persekitaran semasa.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Penelitian terhadap integrasi etnik dalam novel kanak-kanak dilakukan berdasarkan tiga permasalahan yang saling berkait, iaitu tahap sosialisasi antara kanak-kanak berlainan etnik yang dilihat sangat rendah dan tidak mesra, impak gajet terhadap perkembangan sosial kanak-kanak dan keterbatasan kajian yang memberikan fokus terhadap integrasi etnik dalam karya sastera kanak-kanak.

Kajian yang dilakukan oleh beberapa sarjana membuktikan bahawa masalah integrasi dan perpaduan masyarakat termasuk generasi muda masih menjadi antara isu dan persoalan dalam konteks hubungan antara etnik di Malaysia. Hal ini terbukti apabila ada kajian mendapati bahawa tahap sosialisasi dan interaksi kanak-kanak berlainan etnik masih berada di tahap yang rendah. Melalui kajian oleh Anna Christina Abdullah *et al* (2007) mengenai tahap sosialisasi kanak-kanak lepasan Tabika Perpaduan terhadap hubungan kaum dan perpaduan negara mendapati bahawa corak dan tahap sosialisasi kanak-kanak lelaki dan perempuan berbangsa Melayu, Cina dan India lepasan Tabika Perpaduan (Darjah 1) terhadap hubungan kaum dan perpaduan negara berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini dibuktikan melalui pola persahabatan murid-murid berlainan etnik yang bersifat sehalu, iaitu murid Melayu dengan murid Melayu, murid Cina dengan murid Cina dan murid India dengan murid India.

Begitu juga kajian tentang tahap hubungan antara kaum di peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang dijalankan oleh Nur Ayuni Nusaibah Husin dan Amir Hasan Dawi (2019). Hasil kajian menunjukkan bahawa pergaulan antara murid pelbagai kaum berada pada tahap yang tidak mesra atau tidak rapat. Hal ini dapat dibuktikan melalui perhubungan sosial murid-murid di persekitaran bilik darjah dan di luar bilik darjah yang lebih selesa bergaul dengan rakan-rakan yang sama etnik berbanding rakan berlainan etnik. Hasil penelitian mendapati bahawa bahasa merupakan faktor penghalang kepada integrasi etnik dalam kalangan murid kerana majoriti murid yang bersekolah di SJKC akan menggunakan bahasa ibunda masing-masing sewaktu berinteraksi dengan rakan-rakan. Dalam hal ini, kurangnya keyakinan dan ketidakfasihan murid-murid bukan Melayu bertutur dalam bahasa Melayu turut menjadi masalah dan penghalang utama dalam interaksi murid di sekolah. Lantaran itu, mereka lebih selesa bergaul dan mewujudkan hubungan persahabatan dengan kelompok etnik yang sama menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

Di samping itu, kajian oleh Najeemah Mohd Yusof (2005) yang mengkaji pola interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik dari Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Sungai Petani Kedah menunjukkan beberapa dapatan. Pertama, keputusan kajian mendapati murid dari Sekolah Rendah Kebangsaan paling banyak berinteraksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik. Kedua, murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina paling kurang bertutur dalam bahasa Melayu dan murid India paling ramai mengalami stereotaip. Ketiga, murid Cina dan India dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan mempunyai jarak sosial yang tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa masalah interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak berlainan etnik adalah sesuatu yang harus diberikan perhatian serius dan jika tidak dibendung akan berterusan sehingga kanak-kanak memasuki alam remaja dan meningkat dewasa.



Dapatan kajian ini merupakan sesuatu yang mengejutkan dalam usaha kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan etnik dan integrasi nasional. Hal ini secara jelas membuktikan wujudnya masalah terhadap interaksi sosial dalam kalangan generasi muda yang perlu ditangani dengan segera kerana akan memberi kesan jangka panjang yang negatif terhadap perkembangan hubungan etnik di Malaysia. Walaupun sudah terdapat pelbagai dasar berkaitan integrasi antara etnik yang diperkenalkan oleh kerajaan, namun integrasi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Menurut Teo Kok Seong (2018), perpaduan dan hubungan etnik dalam negara masih berada pada tahap defisit kepercayaan antara etnik. Meskipun wujud pergaulan dalam majlis formal, tetapi tiada interaksi selain tahap perkenalan antara dua pihak (berlainan etnik) yang hanya pada permukaan sahaja. Beliau turut menambah, perkara ini berlaku antaranya disebabkan oleh sistem pendidikan pelbagai aliran di negara ini yang membenarkan pengasingan etnik pada usia muda, iaitu pada peringkat sekolah tadika dan sekolah rendah (Shaarani Ismail & Muhammad Apendy Issahak, 2018). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masalah integrasi dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik berada pada tahap yang membimbangkan dan harus ditangani segera demi memastikan keamanan dan keharmonian negara kekal terpelihara.

Selain itu, perkembangan teknologi yang semakin canggih dengan kemunculan pelbagai gajet dan peranti digital turut mempengaruhi kaedah interaksi antara rakyat Malaysia termasuk generasi muda. Pada tahun 2019, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merekodkan bahawa 78.3 peratus ibu bapa di Lembah Klang membenarkan anak-anak memiliki gajet dan hal ini bertambah serius apabila penggunaan dan akses digital dalam kalangan kanak-kanak mencapai tahap maksimum semasa negara berhadapan dengan pandemik Covid-19 (Muhamaad Razis Ismail, 2021). Penggunaan gajet yang tidak dikawal bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan dan perkembangan otak kanak-kanak, malah turut memberi kesan terhadap jurang interaksi sosial antara kanak-kanak dengan keluarga, masyarakat dan persekitaran. Kebergantungan terhadap gajet mula menampakkan kesan negatif apabila keluarga dan masyarakat yang berkumpul pada waktu-waktu tertentu seperti pada hari perayaan mula mengabaikan interaksi sosial secara bersemuka walaupun mereka berada pada ruang yang sama. Hal ini amat menyedihkan kerana peluang untuk mengukuhkan integrasi dan mengeratkan perpaduan pada hari-hari perayaan yang turut disambut oleh seluruh rakyat Malaysia tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat termasuk golongan kanak-kanak.

Lanjutan itu menurut pakar sosial, Mohammad Shatar Sabran (2016) kehadiran gajet mengganggu agenda perpaduan pada hari perayaan apabila tiada lagi interaksi sosial antara individu pelbagai etnik yang membabitkan pertemuan bersemuka, bersalaman, berbual dan seumpamanya. Sekiranya amalan ini berterusan, interaksi sosial dalam kalangan masyarakat akan pupus dan luput yang secara tidak langsung turut memberi impak kepada keintiman keluarga dan keharmonian masyarakat (Ahmad Suhael Adnan, 2016). Hal ini sekali gus menghalang usaha mewujudkan perpaduan dan integrasi antara etnik kerana

interaksi melalui gajet atau tulisan tidak dapat menterjemahkan perasaan berbanding interaksi lisan bersemuka yang lebih mesra dan berkesan. Tuntasnya kemajuan teknologi tidak boleh ditolak, namun kurangnya interaksi sosial kesan daripada penggunaan gajet membawa kepada elemen negatif seperti kurangnya kepercayaan serta prasangka yang boleh menghalang kesatuan keluarga dan perpaduan etnik di Malaysia.

Di samping itu, kekurangan dan keterbatasan kajian yang memberikan fokus terhadap integrasi etnik dalam karya sastera kanak-kanak turut mendorong kajian ini dilakukan. Pengamatan terhadap kajian-kajian sedia ada tentang integrasi etnik dan novel kanak-kanak di Malaysia menyerlahkan beberapa pemahaman yang berguna dalam menentukan fokus kajian ini. Merujuk kepada kecenderungan kajian-kajian yang telah dilakukan, rata-rata kajian yang menyentuh aspek integrasi etnik hanya berkisar tentang kajian latar belakang sosial masyarakat dan peranan kesusasteraan kebangsaan dalam memupuk integrasi etnik. Kajian yang dilakukan hanya membicarakan aspek ini secara umum dengan mengambil contoh daripada karya sastera dewasa dalam pelbagai genre dan tidak menyentuh genre novel kanak-kanak. Selain itu, kajian topik-topik di luar teks juga hanya memperkatakan tentang peranan dan permasalahan dalam sastera kanak-kanak.

Penelitian terhadap aspek dalaman teks pula, rata-rata kajian lebih menjurus kepada aspek persekitaran, hubungan kekeluargaan, patriotisme dan penelitian terhadap dinamika watak dan perwatakan dalam novel kanak-kanak. Sebagai contoh, kajian oleh Rohayati Junaidi (2019) yang meneliti aspek persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Meskipun kajian beliau meneliti komponen pendekatan ekologi, iaitu persekitaran khusus, persekitaran ekosistem dan persekitaran umum, namun huraian dan analisis beliau dalam aspek persekitaran umum hanya menyentuh secara umum tentang budaya, nilai, agama, kepercayaan, teknologi, media massa, perpindahan tempat tinggal dan kematian ahli keluarga yang dikatakan memberi kesan mendalam terhadap perwatakan kanak-kanak.

Selain itu, sorotan kajian turut menemukan lompong yang ketara daripada segi topik dan skop kajian. Sebahagian kajian ilmiah tentang novel kanak-kanak di Malaysia lebih cenderung dan tertumpu terhadap topik-topik berkaitan dengan aspek dalaman teks dan tidak mengaitkannya dengan aspek luaran yang melingkungi teks-teks kajian. Hal ini dengan sendirinya membuka ruang terhadap kajian yang menjurus kepada penelitian kedua-dua aspek, iaitu aspek dalaman dan luaran teks secara komprehensif. Kecenderungan-kecenderungan yang dirumuskan ini memperlihatkan beberapa kelompangan tertentu dalam korpus penyelidikan dan kesarjanaan berkaitan kajian integrasi etnik dalam novel kanak-kanak di Malaysia. Malah, dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa kajian tentang sastera kanak-kanak termasuk novel kian terpinggir seolah-olah ada kebenarannya apabila penelitian terhadap sastera kanak-kanak dilihat kurang diberi perhatian berbanding sastera dewasa. Hal ini terbukti melalui sorotan kajian apabila kebanyakan kajian berkaitan isu integrasi etnik banyak diperkatakan dalam karya sastera dewasa



berbanding dalam sastera kanak-kanak seperti kajian oleh Rosli Ibrahim (2016), Adnan Khamis (1992) dan Chew Fong Peng (2002) yang lebih cenderung mengkaji genre novel, cerpen dan drama dalam karya sastera dewasa. Justeru, kajian terhadap integrasi etnik dalam novel kanak-kanak harus digiatkan bagi menambah korpus penyelidikan sastera kanak-kanak dalam aspek integrasi etnik.

Sehubungan dengan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan di atas, salah satu cara memupuk integrasi etnik dalam kalangan kanak-kanak adalah melalui karya sastera. Menurut Eh Chot Cha Chan (2015) pendekatan kesusasteraan sebagai alat perpaduan etnik adalah paling berkesan kerana hasil karya sastera dalam pelbagai bentuk dapat menyemai benih perpaduan melalui penyampaian cerita dengan gaya bahasa yang indah, mengundang pelbagai kisah kehidupan dan cerita-cerita inspirasi dengan menggunakan bahasa yang menarik. Elemen-elemen dalam karya sastera ini dapat mengarahkan sikap, emosi dan pemikiran manusia ke arah kehidupan yang lebih jujur, ikhlas, rendah hati, reda, bersyukur dan bertolak ansur.

Dalam pada itu, Arba'ie Sujud (2020) pula menegaskan bahawa paradigma berkaitan karya sastera sebagai medium perpaduan dan integrasi etnik telah diterima umum sebagai ejen yang menggerakkan ikatan solidariti untuk membentuk sebuah negara yang bersatu. Penerimaan ini berlandaskan hakikat bahawa sesuatu yang dibawakan dalam karya sastera berhubungan dengan manusia dan kehidupan yang tidak terlepas daripada pelbagai cerita dan ragamnya. Keupayaan karya sastera sebagai cipta seni yang memerihalkan kehidupan dan aspirasi masyarakat turut diakui oleh Zurinah Hassan (2014) yang menyatakan bahawa dalam setiap karya sastera tersaji pelbagai maklumat sama ada mesej yang dibawakan, persoalan yang diketengahkan atau pemikiran yang diutarakan pengarang berlandaskan matlamat dan tujuan karya tersebut dihasilkan.

Bertitik tolak daripada masalah semasa dan pandangan para sarjana tentang keupayaan sastera sebagai alat perpaduan dan integrasi masyarakat, penelitian terhadap novel kanak-kanak yang mengetengahkan isu dan persoalan integrasi etnik amat penting dilakukan untuk melihat keupayaan sastera sebagai medium pemersatuan bangsa Malaysia. Kajian penerapan integrasi etnik dalam novel kanak-kanak penting dilakukan demi memastikan keupayaan karya sastera dalam menawarkan ruang yang lebih luas untuk kanak-kanak bersosialisasi, memahami budaya, adat resam dan corak kehidupan masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Saranan perlunya lebih banyak karya sastera mengenai hubungan kaum, turut ditekankan oleh Ding Choo Ming (2018) yang menyatakan bahawa karya sastera yang membicarakan tentang pelbagai kaum di Malaysia dapat memberi sumbangan besar dalam membantu kerajaan mempromosikan keharmonian antara etnik. Hal ini dapat dilihat melalui pemaparan nilai-nilai positif dalam karya sastera yang boleh meninggalkan kesan dan pengaruh ke atas pembacanya. Usaha membina masyarakat berbilang etnik yang bersatu padu tidak hanya tertumpu kepada memperkasa struktur ekonomi dan sosial semata-mata, malah perlu

juga diperkukuhkan dengan karya sastera yang boleh memujuk pembaca untuk menghargai keharmonian dan persefahaman antara etnik.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dengan permasalahan di atas, kajian ini disasarkan bagi mencapai tiga objektif berikut:

- i. Mengetahui pasti aspek-aspek integrasi etnik dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP berdasarkan konsep 'integrasi etnik' yang dikemukakan oleh tokoh sarjana.
- ii. Menganalisis aspek-aspek integrasi etnik berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik (janaan Model Proses Integrasi Ali Mazrui).
- iii. Merumuskan tahap integrasi dominan yang terdapat dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan-persoalan bagi kajian ini ialah:

- 1.4.1 Apakah integrasi etnik berdasarkan konsep 'integrasi etnik' pada pandangan tokoh sarjana dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP?
- 1.4.2 Bagaimanakah tahap integrasi kanak-kanak pelbagai etnik berdasarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik (janaan Model Proses Integrasi Ali Mazrui) dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP?
- 1.4.3 Apakah tahap integrasi dominan yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti penerapan nilai-nilai integrasi etnik yang terdapat dalam novel kanak-kanak. Penelitian terhadap aspek integrasi etnik dalam sastera kanak-kanak khususnya novel wajar diberikan perhatian kerana bahan bacaan sastera merupakan salah satu medium yang penting dalam membentuk keperibadian positif generasi muda. Justeru, bahan bacaan yang bermutu, bervisi dan dapat memenuhi aspirasi nasional harus disediakan untuk keperluan kanak-kanak. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dilaksanakan untuk kepentingan berikut:

### **1.5.1 Kepentingan kepada Penulis dan Penerbit**

Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para penerbit dalam menerbitkan novel kanak-kanak yang berkualiti bukan sahaja daripada aspek luaran, malah aspek pengisian kandungannya yang bukan sahaja memberikan hiburan, tetapi juga sarat dengan nilai-nilai murni termasuk integrasi etnik. Kajian ini juga berusaha menyediakan garis panduan konsep integrasi etnik untuk sastera kanak-kanak yang boleh dijadikan rujukan kepada golongan penulis dan penerbit sama ada dalam menilai karya sastera kanak-kanak bagi tujuan sayembara atau penerbitan.

### **1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat**

Kajian terhadap unsur-unsur integrasi etnik dalam novel kanak-kanak ini sangat bermanfaat kepada masyarakat terutama ibu bapa dan guru dalam mendidik dan membentuk pemikiran kanak-kanak untuk bersosial dan berkomunikasi dengan masyarakat di sekitarnya. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat mengubah mentaliti dan perspektif sesetengah masyarakat yang menganggap sastera kanak-kanak sebagai sebuah cerita rekaan dengan tujuan hiburan semata-mata. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang betapa pentingnya penerapan integrasi etnik dalam kalangan kanak-kanak untuk mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat berbilang etnik di Malaysia.

## **1.6 Batasan Kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini, dua aspek penting yang telah dikenal pasti untuk dijadikan asas dalam batasan kajian adalah seperti berikut:

### **1.6.1 Batasan Bahan**

Sejak penubuhan DBP pada 22 Jun 1956, sebanyak empat kategori sayembara penulisan novel kanak-kanak telah dianjurkan, iaitu:

- i. Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak DBP (1978, 1987, 1991, 2007, 2010)
- ii. Peraduan Menulis Novel Fiksyen Sains Kanak-kanak DBP 1980
- iii. Peraduan Menulis Novel Sejarah Kanak-kanak DBP 1981
- iv. Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) - Kategori Novel Kanak-kanak

Daripada empat kategori sayembara penulisan novel kanak-kanak tersebut, sebanyak 27 buah novel kanak-kanak telah berjaya dinobatkan sebagai

pemenang tempat pertama, tempat kedua dan tempat ketiga. Daripada 27 buah novel ini, sebanyak 13 buah novel telah diterbitkan pada tahun 2002 hingga 2017. Hasil daripada penelitian dan pembacaan terhadap 13 buah novel tersebut, hanya sepuluh buah novel sahaja didapati memaparkan tentang hubungan etnik yang dapat dilihat dalam Jadual 1.1 dalam Lampiran I.

Lanjutan itu, tema-tema pada keseluruhan novel adalah berkisar tentang kekeluargaan, kasih sayang, persahabatan, kemiskinan, kecekalan hidup, ketabahan, kepimpinan, pengembaraan, penyiasatan, fiksyen sains dan patriotisme. Selain itu, lingkungan masyarakat yang melatari cerita dalam novel-novel ini terdiri daripada masyarakat majmuk yang didominasi oleh watak-watak pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, Melanau, Iban dan Singh. Hubungan akrab kanak-kanak berlainan etnik ini digambarkan oleh pengarang dalam menghadapi pelbagai situasi seperti suka, duka, cemas, sedih, tawa, hiba dan gembira.

Dalam pada itu, justifikasi pemilihan sepuluh buah novel kanak-kanak ini sebagai bahan kajian adalah berdasarkan tahun penerbitan terkini novel tersebut, iaitu sekitar tahun 2000-an yang dilihat relevan dan signifikan dengan usaha yang giat dijalankan oleh kerajaan untuk memupuk integrasi etnik dalam kalangan masyarakat. Hal ini terbukti melalui usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan penubuhan Institut Kajian Etnik (KITA) pada 8 Oktober 2008 yang memberikan tumpuan sepenuhnya kepada segala kajian yang berkaitan dengan etnik dan etnisiti. Malah, penstrukturan semula Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebanyak tiga kali selepas tahun 2000, iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri (2004), bertukar ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (2008) dan kembali semula di bawah Jabatan Perdana Menteri (April 2009) membuktikan kepentingan integrasi etnik yang diambil perhatian serius oleh kerajaan. Seiring dengan usaha ini, penelitian terhadap kesemua novel pemenang hadiah sayembara anjuran DBP terbitan tahun 2002 hingga 2017 yang mengetengahkan isu-isu berkaitan integrasi etnik sebagai bahan kajian, adalah wajar dan bertepatan dengan matlamat dan hasrat kerajaan untuk memupuk semangat muhibah dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Selain itu, justifikasi pemilihan novel-novel ini sebagai bahan kajian adalah didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan berikut:

- i. Novel kanak-kanak yang dipilih dalam kajian ini merupakan novel kanak-kanak yang pernah memenangi hadiah sayembara anjuran DBP, iaitu karya-karya yang diiktiraf dan dinilai dengan teliti oleh panel penilai yang berwibawa. Selain menerima pengiktirafan sebagai pemenang hadiah sayembara penulisan DBP dan HSPM, sebahagian novel yang diteliti turut menerima pelbagai pengiktirafan lain seperti Anugerah Novel Kanak-kanak Terbaik dalam Majlis Anugerah Buku Negara anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan pengiktirafan peringkat negeri seperti Anugerah Sastera Negeri Sembilan 2019 bagi novel kanak-kanak *Budak California* (2017). Justeru, pemilihan bahan ini

adalah tepat untuk melihat kredibiliti novel kanak-kanak agar bersesuaian dengan aspirasi negara.

- ii. Novel kanak-kanak yang dihasilkan ini merupakan novel-novel yang berlatarbelakangkan dunia kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa novel kanak-kanak yang dipilih adalah bersesuaian dengan ruang lingkup kajian dan bertepatan dengan tajuk kajian yang ingin meneliti integrasi etnik dalam novel kanak-kanak. Berdasarkan Laporan Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014 (2015), novel kanak-kanak yang memenangi HSPM dikatakan telah memperlihatkan gambaran masyarakat majmuk di Malaysia dan turut menyelitkan rasa setia kawan serta semangat muhibah antara kaum. Justeru, bagi membuktikan dakwaan ini, kajian terhadap novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP perlu dilakukan untuk menilai potensi novel kanak-kanak dalam mengetengahkan isu-isu penyatuan nasional dalam usaha membentuk keharmonian masyarakat di Malaysia.

### 1.6.2 Batasan Aspek

Kajian ini memberi tumpuan terhadap integrasi etnik yang dipaparkan dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP. Analisis kandungan terhadap sepuluh buah novel kanak-kanak yang memerihalkan hubungan integrasi etnik diteliti melalui empat aspek, iaitu integrasi sosial, integrasi budaya, integrasi ekonomi dan integrasi pendidikan berdasarkan konsep 'integrasi etnik' yang dikemukakan oleh tokoh sarjana. Kemudian, empat aspek integrasi etnik tersebut dianalisis bersandarkan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik (janaan Model Proses Integrasi Ali Mazrui) sebagai kerangka analisis. Seterusnya, kajian ini akan merumuskan tahap integrasi dominan yang terdapat dalam novel kanak-kanak pemenang hadiah sayembara anjuran DBP.

Lanjutan itu, analisis dibuat berlandaskan Model Integrasi Kanak-kanak Pelbagai Etnik yang telah diubah suai berdasarkan Model Proses Integrasi Ali Mazrui yang diperkenalkan oleh Ali Al'Amin Mazrui pada tahun 1969. Model Proses Integrasi Ali Mazrui menggariskan empat tahap proses integrasi antara kumpulan etnik dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Tahap integrasi etnik paling rendah ialah Tahap 1, iaitu keadaan kewujudan bersama seadanya (*bare-coexistence*) atau dikenali sebagai segregasi. Tahap 2 dikenali sebagai perhubungan sentuhan (*relationship of contact*) atau akomodasi. Tahap 3 merupakan tahap hubungan kompromi (*relationship of compromise*) yang juga dikenali sebagai akulturasi. Tahap 4 merupakan tahap integrasi tinggi, iaitu tahap koalesensi (*the stage of coalescence*) atau penyatuan masyarakat sepenuhnya yang dikenali sebagai asimilasi. Setiap tahap proses integrasi etnik ini mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 3.



Dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap empat tahap proses integrasi etnik dalam Model Proses Integrasi Ali Mazrui hanya melihat ciri-ciri setiap tahap daripada aspek sosial, budaya, ekonomi dan pendidikan kerana memadai dengan peringkat usia kanak-kanak dan sesuai dengan ciri-ciri novel kanak-kanak yang olahan ceritanya mudah, tidak kompleks, plotnya yang berkembang lurus dan membawa amanat positif.

Di samping itu, kajian tentang integrasi etnik dan kanak-kanak menjadi fokus utama kajian ini kerana proses penyatuan etnik bukanlah sesuatu yang mudah dan memerlukan usaha yang berterusan. Melalui penerapan integrasi etnik dalam karya sastera sedari kecil, secara tidak langsung dapat mendedahkan kanak-kanak dengan realiti persekitaran hidup masyarakat Malaysia yang sebenar, sekali gus dapat menyemai sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Hal ini bertepatan dengan pepatah yang menyatakan, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Kajian ini juga seiring dengan saranan Tun Dr. Mahathir Mohamad (2019) yang mengingatkan rakyat Malaysia agar tidak memandang ringan soal menjaga hubungan antara masyarakat berbilang etnik, agama dan budaya di negara ini kerana ia bukan sesuatu yang mudah untuk dikekalkan (*Bernama*, 2019). Justeru, usaha penyatuan etnik perlu dipupuk sedari kecil kerana golongan kanak-kanak merupakan generasi muda yang bakal menjadi pewaris negara dan bertanggungjawab dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara.

## 1.7 Definisi Operasional

Seterusnya, perbincangan dalam bab ini membicarakan secara ringkas beberapa istilah utama yang akan diguna pakai sepanjang penelitian ini. Terdapat lima istilah penting yang akan mewarnai perbincangan dan mencorakkan analisis serta dapatan kajian. Istilah-istilah tersebut ialah “integrasi”, “etnik”, “integrasi etnik”, “novel kanak-kanak”, dan “sayembara.”

### 1.7.1 “Integrasi”

Menurut *Kamus Latin-Indonesia* (1969), integrasi berasal daripada bahasa Latin ‘*integrate*’ yang bermaksud mempersatukan atau menggabungkan. Takrifan ini mempunyai persamaan dengan takrifan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), yang menyatakan bahawa integrasi bermaksud penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain) menjadi satu kesatuan. Dalam erti lain, integrasi ialah penyatuan kaum. Sementara itu, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (2002) pula mendefinisikan integrasi sebagai berusaha hidup menurut cita-cita.

Lanjutan itu, Jabatan Penerangan Malaysia (2016) mentakrifkan integrasi sebagai usaha merapatkan hubungan masyarakat pelbagai etnik ke arah peningkatan semangat muhibah dan rasa kekitaan demi kesejahteraan dan

keharmonian negara. Dalam hal ini, integrasi dapat menggalakkan dan memupuk interaksi sosial antara masyarakat pelbagai etnik dengan memberi fokus kepada saling menerima dan menghargai sosiobudaya antara satu sama lain.

Sementara itu menurut Nadzan Haron dan Rozeman Abu Hasan dalam bukunya *Malaysia Melangkah ke Hadapan* (2010), integrasi bermaksud satu proses sosiobudaya dan sosiopolitik untuk mewujudkan jati diri kebangsaan yang diterima oleh semua rakyat walaupun berbeza daripada segi rumpun bangsa, bahasa, agama dan budaya. Matlamat akhir integrasi adalah untuk melahirkan perasaan taat setia kepada negara dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa. Hal ini dapat dilihat melalui penerimaan ke atas beberapa lambang perpaduan sosiobudaya dan politik yang penting seperti bahasa, perlembagaan, ideologi negara, bendera kebangsaan, institusi politik dan pentadbiran. Jelasnya, integrasi mengiktiraf kedudukan sosiobudaya masyarakat minoriti yang biasanya dianggap sebagai budaya sekunder dalam budaya kebangsaan.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (2010) integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi budaya, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Pendapat yang sama turut diutarakan oleh Bateriah Alias, Huzaimah Ismail dan Najahudin Lateh (2013) yang menyatakan bahawa integrasi ialah proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kelompok yang terpisah daripada segi budaya, sosial dan lokasi. Integrasi wujud apabila kelompok masyarakat menerima ciri-ciri kelompok yang lain tanpa merujuk identiti dan asal usul ras mereka.

Selain itu, Myron Weiner (1965) mentakrifkan integrasi sebagai proses penyatuan pelbagai kelompok budaya dan sosial ke dalam satu kesatuan wilayah ke arah pembentukan suatu identiti nasional. Lazimnya integrasi mengandaikan adanya masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik dan setiap kelompok masyarakat memiliki bahasa dan kebudayaan yang berbeza. Seterusnya, W. Howard Wriggins (1966) berpendapat bahawa integrasi ialah penyatuan masyarakat daripada bahagian yang berbeza-beza menjadi suatu kesatuan yang lebih utuh. Dalam erti kata lain, integrasi ialah usaha menyatukan masyarakat-masyarakat kecil menjadi satu kesatuan bangsa. Pendapat yang sama turut dipersetujui oleh Zaid Ahmad *et al.* (2006) yang menyatakan bahawa integrasi merupakan satu proses untuk merapatkan masyarakat dalam Malaysia, khususnya antara negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur.

Sementara itu, Shamsul Amri Baharuddin (2007) pula berpendapat bahawa integrasi ialah satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik. Identiti, budaya dan hak hidup sesuatu kumpulan etnik tidak dihapuskan tetapi disuburkan. Dalam konteks di Malaysia, integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan

satu identiti nasional dalam kalangan etnik yang terpisah-pisah daripada segi budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan. Mereka dipupuk melalui integrasi politik, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan di peringkat wilayah. Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Noura Syifa dan Zariana Zumail (2008) yang berpendapat bahawa integrasi ialah penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kumpulan masyarakat. Ia merupakan satu proses bagi etnik untuk mewujudkan satu entiti nasional dalam kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah daripada segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesuatu unit politik.

Dalam pada itu, Mohd. Sohaimi Esa, Dayu Sansalu dan Budi Anto Mohd. Tamring (2011) dalam bukunya *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa* mendefinisikan integrasi sebagai satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang diterima oleh semua kelompok etnik dalam negara. Identiti, hak dan budaya hidup sesuatu kelompok etnik tidak dihapuskan tetapi disuburkan. Dalam perspektif Malaysia, integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kelompok yang terpisah daripada segi kebudayaan, sosial dan lokasi sesebuah unit politik.

Lanjutan itu, Hasmadi Hassan *et al.* (2017) pula mentakrifkan integrasi sebagai kesepaduan. Dalam konteks Malaysia, kesepaduan dapat dipupuk dalam kalangan pelbagai etnik yang berbeza asal usul dengan matlamat akhir adalah untuk mewujudkan suasana yang aman dan harmoni. Dalam erti kata lain, integrasi dapat memupuk sikap saling menerima kelebihan dan kekurangan kaum lain bagi membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai jati diri.

Di samping itu, K. Ramanathan (1987) dalam bukunya *Asas Sains Politik* turut menyatakan bahawa integrasi ialah penggabungan dan penyatuan masyarakat yang digambarkan oleh keadaan saling berinteraksi dalam kalangan ahli-ahli masyarakat berdasarkan keinginan untuk bersatu tanpa paksaan. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Dani Ahmad Ali (2010) yang berpendapat bahawa integrasi merupakan penggabungan beberapa kaum menjadi satu kesatuan.

Berdasarkan pandangan-pandangan tokoh sarjana ini, kajian ini mengusulkan bahawa integrasi ialah suatu usaha atau proses menyatupadukan perbezaan yang wujud dalam masyarakat sama ada dalam aspek politik, ekonomi, sosial, budaya atau pendidikan. Unsur-unsur perbezaan yang wujud ini disatukan menurut aturan dan dibangunkan atas nilai-nilai budaya yang ada dalam masyarakat sehingga terjadi kesepakatan tentang tujuan negara yang hendak diwujudkan.



### 1.7.2 “Etnik”

Etnik berasal daripada perkataan Inggeris iaitu ‘*ethnic*’ (Mohamad Khadafi Haji Rofie *et al.*, 2007). Perkataan ini dalam bahasa Melayu membawa pengertian yang sama seperti yang digunakan dalam bahasa Inggeris (Tweedie, 1970). Namun daripada segi etimologinya, menurut Z. Pangaduan Lubis dan Iswadi (2004), istilah ‘*ethnic*’ berasal daripada istilah Yunani, ‘*ethno*’ yang bermaksud bangsa. Takrifan ini mempunyai persamaan dengan takrifan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) yang bermaksud berkenaan dengan bangsa manusia.

Sementara itu menurut takrifan *Ensiklopedia Umum* (1973), etnik bererti sesuatu yang terikat pada segolongan rakyat atau sesuatu bangsa yang dianggap masih ada hubungan biologinya. Ia juga digunakan untuk menandakan sesuatu golongan atau bangsa yang merupakan bahagian keseluruhan umat manusia di dunia. Lanjutan itu, menurut Schermerhorn, R.A (1970:35) perkataan ‘etnik’ didefinisikan sebagai:

*“...as a collectivity within a larger society having real or putative common ancestry, memories of a shared historical past, and a cultural focus on one or more symbolic elements defined as the epitome of their people-hood. Example of such symbolic elements are: kinship patterns, physical contiguity (as in localism or sectionalism), religious affiliation, language or dialect forms, tribal affiliation, nationality, phenotypical features, or any combination of these...”*

Berdasarkan takrifan Schermerhorn ini, Macionis (2003) meringkaskan bahawa penekanan terhadap perkongsian faktor keturunan, sejarah atau kebudayaan termasuklah elemen simbolik yang sama memberikan satu persempadanan antara etnik dalam sesebuah masyarakat.

Selain itu, menurut Bateriah Alias, Huzaimah Ismail dan Najahudin Lateh (2013) etnik ialah suatu kumpulan manusia yang saling mengenali antara satu sama lain. Kumpulan manusia ini memiliki warisan bersama yang selalunya terdiri daripada bahasa yang sama, budaya yang sama, termasuk agama yang dikongsi bersama atau ideologi yang menjadi pegangan bersama.

Sementara itu, Mohd. Sohaimi Esa, Dayu Sansalu dan Budi Anto Mohd. Tamring (2011) dalam bukunya *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa* menyatakan bahawa etnik merupakan sekelompok manusia yang mengamalkan budaya yang hampir seragam, termasuk adat resam, pakaian, bahasa dan kegiatan ekonomi serta boleh dikaji hubungan persaudaraan mereka melalui nenek moyang yang sama. Konsep ‘kelompok etnik’ pula digunakan untuk merujuk kepada golongan yang berbeza daripada segi kebudayaan. Lazimnya etnik berbeza berdasarkan ciri-ciri budaya seperti

adat resam, pola keluarga, pakaian, pandangan tentang kecantikan, orientasi politik, kegiatan ekonomi dan hiburan.

Dalam pada itu, Hasmadi Hassan *et al.* (2017) pula menyatakan bahawa etnik ialah kelompok manusia yang mempraktikkan atau mengamalkan budaya yang hampir sama daripada aspek adat resam, bahasa, pakaian juga dalam kegiatan ekonomi. Pandangan yang hampir sama turut dikemukakan oleh Abner Cohen (1969) yang mendefinisikan etnik sebagai kelompok kepentingan (*interest group*) informal yang para anggotanya berbeza daripada anggota kelompok-kelompok yang lain. Semua kelompok etnik ini sama-sama memiliki lembaga-lembaga yang wajib dipatuhi seperti ikatan kekerabatan dan agama serta dapat melakukan komunikasi secara mudah sesama mereka.

Di samping itu menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012), antara ciri konsep etnik ialah budaya, adat, bahasa, agama dan negara asal nenek moyangnya. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Yinger (1994) yang menyatakan bahawa etnik ialah satu kumpulan yang wujud dalam erti kata sebenar apabila satu segmen daripada masyarakat besar dilihat oleh orang lain sebagai berbeza dengan beberapa kombinasi dalam ciri-ciri seperti bahasa, agama, ras dan negara nenek moyang bersama adat dan kebudayaan yang berkaitan.

Lanjutan itu, Weber (1968) berpandangan bahawa etnik ialah kelompok manusia yang melaksanakan sesuatu keyakinan subjektif mengenai kesamaan keturunan pada diri mereka kerana adanya kemiripan fizikal atau kesamaan adat istiadat atau kesamaan kedua-duanya tanpa mempersoalkan ada atau tidak adanya hubungan darah yang objektif. Pendapat Weber (1968) berkaitan etnik ini turut dipersetujui oleh Mardiana Nordin dan Hasnah Hussiin (2014) yang berpandangan bahawa etnik selalunya didefinisikan sebagai satu kelompok manusia yang mempraktikkan atau mengamalkan budaya yang hampir sama, meliputi aspek adat resam, bahasa, pakaian dan kegiatan ekonomi.

Dalam pada itu, Istilah etnik berbeza dengan istilah kaum kerana etnik dilihat berdasarkan ciri-ciri budaya seperti adat resam, pola keluarga, pakaian dan kegiatan ekonomi. Manakala istilah kaum mempunyai maksud yang lebih luas dan terbentuk berasaskan gagasan ras atau etnik yang sedia ada (Mohamad Sohaimi Esa, Dayu Sansula *et al.*, 2011). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (2015) kaum bermaksud jenis bangsa. Dalam konteks ini, Shamsul Amri Baharuddin (2007) berpandangan bahawa bangsa merupakan rumpun manusia yang terikat oleh rasa taksub bersama dan lebih rela bekerjasama sesama mereka berbanding dengan rumpun bangsa yang lain serta terjalin oleh kesamaan bahasa, kesatuan wilayah, budaya, sejarah dan agama. Selain itu, menurut Mansor Abdul Rahman & Mohamad Ainuddin (2006), istilah kaum memberi penekanan terhadap perbezaan fizikal seperti jenis mata, warna kulit, jenis rambut atau sifat-sifat biologi (keturunan dan pertalian darah yang sama) antara sesama manusia.

Dalam konteks Malaysia, Semenanjung Tanah Melayu mula didiami oleh manusia sejak 25,000 tahun yang lalu. Namun kebanyakannya telah pupus dan etnik yang dapat bertahan hingga ke hari ini adalah seperti berikut:

- i. Peribumi – Orang Asli: terdiri daripada dua kumpulan, iaitu Orang Asli dan Melayu. Menurut Fauziah Shaffie dan Ruslan Zainudin (2000), secara kasarnya mereka boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar, iaitu Negrito (Kintak, Kensi, Jahai, Menderiq, Bateq dan Lanoh), Senoi (Temiar, Semai, Che Wong, Jahut, Semoq Beri dan Mahmeri) dan Melayu Asli (Temuan, Semelai, Jakun, Seletar, Orang Kanak dan Orang Kuala).
- ii. Etnik Melayu: Merupakan penduduk terbesar di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Mereka bermastautin di Malaysia sejak 2,500 SM dan termasuk dalam kelompok 'Austronesia' yang dikaitkan dengan sejarah orang Melayu Asli (*Proto Malay*). Kelompok ini terdapat juga di selatan Thailand, Filipina dan merata-rata tempat di Alam Melayu dan bertutur dalam bahasa Melayu. Penulisan secara jelas tentang etnik Melayu telah bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (abad ke-15) dan merupakan etnik yang pertama menegakkan pemerintahan dan kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu (Fauziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, 2000).
- iii. Etnik Cina: Merupakan etnik kedua terbesar di Semenanjung Tanah Melayu selepas etnik Melayu. Hubungan antara Tanah Besar China dengan Semenanjung Tanah Melayu telah wujud sejak kelahiran kerajaan maritim di rantau ini.
- iv. Etnik India: Merupakan etnik ketiga terbesar selepas etnik Melayu dan etnik Cina di Semenanjung Tanah Melayu. Hubungan benua kecil India dengan Semenanjung Tanah Melayu telah lama wujud melalui perdagangan. Hinduisme dipercayai bertanggungjawab menubuhkan kerajaan-kerajaan maritim Hindu-Budha di Alam Melayu termasuklah kerajaan Langkasuka di Kedah sebelum penubuhan Kerajaan Melayu Melaka lagi.
- v. Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Ramai pedagang dari Arab, Cina, India dan lain-lain kepulauan Melayu datang ke Melaka. Pada ketika itu, Melaka menjadi bandar kosmopolitan yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik dan sejumlah kecilnya telah bermastautin tetap di situ. Sungguhpun demikian, kelompok ini tidak melahirkan masyarakat plural kerana mereka diasimilasikan ke dalam masyarakat Melayu dan mengamalkan budaya tempatan yang dikenali sebagai 'komuniti Baba.'

Lanjutan itu, masyarakat plural di Semenanjung Tanah Melayu hanya bermula selepas kemasukan orang Cina dan India secara besar-besaran mulai tahun 1848 apabila berlaku campur tangan Inggeris di Tanah Melayu untuk memajukan sektor perlombongan bijih timah dan ladang getah. Kemudian, masyarakat plural Malaysia berwujud baharu selepas tertubuhnya Malaysia

pada tahun 1963 dengan kemasukan Sabah dan Sarawak. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), masyarakat Malaysia terdiri daripada 65 kumpulan etnik. Etnik terbesar ialah Melayu, Cina dan India di samping tiga kumpulan etnik orang asli di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, terdapat 32 kumpulan etnik yang telah dibahagikan mengikut pembahagian petempatan mereka. Contohnya, di kawasan pesisiran pantai banyak didiami oleh etnik Melayu Brunei, Bajau, Suluk dan Kadazan. Etnik peribumi yang mendiami kawasan pedalaman Sabah pula ialah Orang Murut, manakala etnik Cina banyak yang tinggal di bandar.

Sementara itu, dilaporkan sebanyak 27 kumpulan etnik pula terdapat di Sarawak. Etnik peribumi Sarawak terbahagi kepada dua golongan, iaitu penduduk pesisiran pantai dan pedalaman. Kawasan pesisiran pantai Sarawak kebanyakannya didiami oleh peribumi daripada etnik orang Melayu dan Melanau. Kegiatan ekonomi utama kedua-dua etnik ini ialah pertanian, nelayan dan perdagangan. Etnik Melayu beragama Islam dan mereka menguasai tulisan jawi dengan baik. Begitu juga dengan etnik Melanau yang hampir keseluruhannya beragama Islam. Kawasan pedalaman Sarawak pula telah didiami oleh beberapa etnik peribumi seperti Orang Iban, Bidayuh, Orang Kayan dan Orang Penan.

Berdasarkan takrifan dan pandangan daripada beberapa orang tokoh serta imbauan sejarah tentang kewujudan etnik, kajian ini mengusulkan bahawa etnik merupakan sekumpulan manusia yang mengamalkan cara hidup yang hampir seragam termasuk adat resam, pakaian, bahasa, agama, budaya, sosial, lembaga dan kegiatan ekonomi. Ciri-ciri ini yang membezakan etnik dengan kaum kerana etnik lebih bersifat khusus dalam melihat ciri-ciri budaya yang diamalkan oleh sesuatu kelompok manusia.

### 1.7.3 “Integrasi Etnik”

Menurut Bateriah Alias, Huzaimah Ismail dan Najahudin Lateh (2013), integrasi etnik didefinisikan sebagai keadaan yang warna kulit tidak penting dan tidak ada kaitan dengan hubungan sosial. Dalam erti lain, istilah ini merujuk kepada pembinaan masyarakat yang bersatu padu dan bebas daripada berkaitan dengan etnik. Dalam konteks ini, budaya yang berbeza diteruskan tetapi setiap ahli masyarakat tidak terhalang untuk mendapatkan hak-haknya seperti pekerjaan, rumah, mengundi dan kemudahan awam.

Sementara itu menurut penyelidik sosiologi, Ting Chew Peh (1979) dalam bukunya *Konsep Asas Sosiologi*, istilah integrasi etnik secara bahasa terdiri atas dua kata, iaitu integrasi yang bermaksud menyatupadukan, mempersatukan atau menggabungkan. Manakala istilah etnik berasal daripada perkataan *ethnic*, yang bererti berkenaan dengan bangsa. Justeru, yang dikatakan integrasi etnik ialah penyatuan suatu bangsa dari pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, budaya, politik dan pendidikan sehingga menjadi satu



kesatuan yang bulat dan utuh. Tahap-tahap hubungan etnik boleh dilihat dari segi darjah kedekatan bermula dengan hubungan terpisah, iaitu segregasi sehingga hubungan berbentuk sebati iaitu asimilasi atau amalgamasi. Hubungan yang lebih rapat antara wilayah dapat mewujudkan integrasi dalam bidang politik dan nilai. Hubungan ini seterusnya mampu mengurangkan konflik dan mengutamakan persefahaman serta mewujudkan semangat perpaduan antara etnik.

Sehubungan dengan beberapa pandangan tokoh dan pernyataan yang telah dibangkitkan dalam subjudul-subjudul yang telah dijelaskan, kajian ini mengusulkan istilah "integrasi etnik" sebagai suatu usaha penyatuan masyarakat daripada pelbagai bangsa dan latar yang berbeza menjadi satu kesatuan yang bulat dan utuh. Penyatuan masyarakat ini bertujuan untuk membina masyarakat yang bersatu padu ke arah membentuk satu identiti nasional tanpa membezakan aspek sosiobudaya dan sosiopolitik. Penyatuan masyarakat pelbagai bangsa dan latar yang berbeza ini diasosiasikan melalui komunikasi antara etnik, adat, budaya, kepercayaan, sistem ekonomi dan pendidikan. Tegasnya, integrasi adalah proses penyatuan perbezaan masyarakat dalam suatu negara sehingga terjadi keselarasan secara nasional dengan matlamat akhir untuk melahirkan perasaan taat setia kepada negara.

Berdasarkan pemahaman ini juga, penelitian terhadap integrasi etnik dapat dilihat daripada empat aspek, iaitu aspek sosial, budaya, ekonomi dan pendidikan. Perkataan 'sosial' membawa makna segala yang berkaitan dengan masyarakat atau perihal kemasyarakatan seperti persahabatan, pergaulan dan aktiviti masa lapang (*action and interaction*). Kata 'sosial' digunakan untuk menunjukkan sifat daripada makhluk yang bernama manusia sehingga muncul ungkapan "manusia adalah makhluk sosial." Ungkapan ini bererti manusia harus hidup secara berkelompok atau bermasyarakat. Manusia tidak dapat hidup dengan sempurna jika tidak berada dalam masyarakat atau berhubung dengan orang lain. Tuntasnya, perhubungan dalam masyarakat memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam sesebuah negara (Khairuddin Mohamad *et al*, 2014).

Selanjutnya, budaya merupakan sumber identiti sesuatu etnik. Kebudayaan ditakrifkan sebagai keseluruhan cara hidup manusia yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir. Dalam erti kata lain, budaya merujuk kepada proses perkembangan kelakuan, akal, semangat dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok. Hal ini bermakna budaya merupakan ikhtiar manusia untuk mengolah kehidupan mereka sebagai satu cara hidup (Nur Azuki Yusuff, 2016). Sementara itu, Shamsul Amri Baharuddin (2007) berpandangan bahawa perkataan budaya berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, iaitu '*budhi*' dan '*daya*'. Perkataan '*budhi*' yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti kecergasan fikiran dan akal. Manakala perkataan '*daya*' pula ialah perkataan Melayu Polinesia yang bermaksud kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh. Kata '*budhi*' dan '*daya*' kemudiannya mengalami proses pemendekan yang dikenali sebagai haplologi dalam ilmu linguistik menjadi

'budaya' yang membawa makna kebolehan menggunakan akal atau fikiran untuk menyelesaikan masalah atau mencipta sesuatu.

Selain itu, A. Aziz Deraman (1992:108) memberikan maksud budaya sebagai "apa jua yang kita fikir, buat dan punyai dalam kehidupan merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan, kepercayaan, teknologi, sains, kesenian, undang-undang, etika, adat-istiadat dan cara hidup kita yang merupakan pengalihan daripada apa yang diwarisi daripada masyarakat." *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) pula mentakrifkan budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi. Budaya turut menjadi faktor yang melahirkan sesuatu masyarakat dan bangsa yang dinilai berdasarkan kejayaan dan kekuatan tamadun yang dibangunkan.

Justeru, dapatlah dijelaskan bahawa budaya ialah keseluruhan cara hidup sesebuah masyarakat yang kompleks. Budaya mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan sebarang bentuk kebiasaan. Berdasarkan pandangan beberapa orang tokoh, kajian ini merumuskan bahawa budaya ialah pengenalan kepada sesuatu etnik sebagai satu cara hidup termasuk ideologi, falsafah, kelakuan, adat resam, kepercayaan, muzik, nilai, kesenian, pakaian dan bahasa yang dikongsi bersama-sama dalam sesebuah masyarakat.

Sementara itu dalam aspek ekonomi, perkataan ekonomi daripada segi etimologi berasal daripada bahasa Yunani yang terdiri daripada dua kata, iaitu 'oikos' dan 'nomos.' 'Oikos' bermakna rumah tangga, manakala 'nomos' bermaksud tata atau aturan. Oleh yang demikian, ekonomi dalam pengertian bahasa membawa makna tata aturan rumah tangga (Amir Hussin Baharudin, 2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) mentakrifkan ekonomi sebagai sistem pengendalian sumber kekayaan (kewangan, perindustrian, perdagangan dan lain-lain) sesebuah negara. Terdapat juga beberapa pandangan daripada ahli sarjana Barat berkaitan dengan istilah dan pengertian ekonomi. Antaranya, Maslow (1970) yang berpendapat bahawa ekonomi adalah salah satu bidang pengkajian yang cuba untuk menyelesaikan masalah keperluan asas kehidupan manusia melalui penggembelngan segala sumber ekonomi berasaskan prinsip serta teori tertentu dalam suatu sistem ekonomi yang dianggap efektif dan efisien.

Selanjutnya, bagi Damsar MA, (1997) ekonomi ialah ilmu kekayaan atau ilmu yang khusus mempelajari sarana-sarana kekayaan suatu bangsa dengan memusatkan perhatian secara khusus terhadap sebab-sebab material daripada kemakmuran seperti hasil-hasil industri, pertanian dan sebagainya. Menurut Herry Makler, Alberto Martinelli dan Neil Smelser (1982), ekonomi ialah ilmu yang mempelajari usaha-usaha individu dalam ikatan pekerjaan bagi kehidupannya sehari-hari. Dalam erti kata lain, ilmu ekonomi membahaskan tentang kehidupan manusia yang berhubungan dengan keupayaan dan cara seseorang itu memperoleh pendapatan sama ada melalui perniagaan, pertanian atau perdagangan dan menggunakan pendapatan tersebut untuk

keperluan atau kepentingan tertentu. Oleh yang demikian, ekonomi dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada cara atau usaha seseorang individu dalam kelompok masyarakat memperoleh sumber pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Dalam pada itu, istilah pendidikan pula berakar umbi daripada perkataan 'didik' yang membawa maksud bimbing, bentuk dan asuh. Dalam bahasa Inggeris, pendidikan ialah 'education' iaitu perkataan yang berasal daripada bahasa Latin 'educare' yang membawa maksud mengasuh, memelihara dan membimbing (Asmawati Suhid, 2012). Perkataan pendidikan menurut takrifan Al-Jamali (1967) ialah proses membentuk tabiat dan sikap seseorang dalam pelbagai bidang kehidupan meliputi aspek rohani, jasmani, akhlak, akal dan sosial agar dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT. Sementara itu, Khursid Ahmad (1974) menyatakan bahawa pendidikan sebagai satu latihan jasmaniah, rohaniah dan akhlah bagi melahirkan manusia berkebudayaan tinggi yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai manusia yang baik dan berguna. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) pula mentakrifkan pendidikan sebagai perihal mendidik. Selain itu, pendidikan juga ialah ilmu yang merujuk kepada pengetahuan mendidik, didikan, latihan dan ajaran.

Sementara itu, Mok Soon Sang (1993) dalam bukunya, *Pendidikan di Malaysia* merumuskan bahawa pendidikan ialah suatu proses atau aktiviti yang berusaha untuk memperkembangkan sosial, fizikal, intelek dan emosi seseorang individu bagi menambahkan kemahiran, pengetahuan dan pengalamannya supaya mendapat faedah dan kemajuan dalam kehidupannya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pendidikan adalah satu proses latihan ke arah melahirkan individu yang serba lengkap daripada aspek jasmani, rohani, akal dan akhlak. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini usaha penyatuan masyarakat melalui aspek pendidikan dapat dilihat melalui keupayaan para penulis menyatukan kanak-kanak pelbagai etnik dalam sistem pendidikan yang sama mencakupi aspek rohaniah dan jasmaniah dalam novel-novel yang dihasilkannya.

#### **1.7.4 “Novel Kanak-kanak”**

Novel kanak-kanak merupakan karya sastera genre prosa untuk bacaan kanak-kanak dalam lingkungan usia antara enam hingga 12 tahun. Pada kelazimannya, novel kanak-kanak mempunyai antara 70 hingga 120 halaman bercetak dan berilustrasi. Terdapat beberapa kategori yang dimuatkan dalam novel kanak-kanak. Antara kategori yang popular ialah novel pengembaraan, novel detektif atau penyiasatan, novel cereka sains, novel keagamaan, novel kisah binatang, novel seram, novel cinta alam sekitar, novel biografi dan novel autobiografi.

Lazimnya, kisah yang dipaparkan dalam novel kanak-kanak merupakan kisah yang sering berlaku dalam kehidupan kanak-kanak sendiri, kisah yang pernah

berlaku dalam sejarah tanah air dan kisah yang bersifat futuristik tetapi sesuai dengan pemikiran kanak-kanak. Sungguhpun demikian, tidak semua persoalan sesuai disogokkan dalam novel kanak-kanak, apatah lagi hal-hal yang berkaitan dengan hukuman dan yang tabu sifatnya (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1998). Dari segi kandungannya, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* turut menyatakan bahawa novel kanak-kanak diolah dengan mudah, tidak kompleks, jalinan plot ceritanya berkembang lurus dan membawa amanat pengajaran yang positif serta membahagiakan.

Sehubungan dengan pernyataan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan istilah “novel kanak-kanak” sebagai sebuah karya sastera berbentuk prosa yang kandungannya ditujukan untuk bacaan kanak-kanak dalam lingkungan usia antara enam hingga 12 tahun. Prosa ini digambarkan melalui penggembleran aspek-aspek sastera seperti tema, plot, watak, perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa, nilai dan pengajaran yang diolah dengan mudah, tidak kompleks dan jalinan plotnya berkembang lurus serta membawa amanat yang positif. Seperti juga garapan novel untuk pembaca dewasa, penggembleran aspek-aspek yang mendukung novel kanak-kanak ini juga diolah secara kreatif, kritis dan imaginatif oleh novelisnya dan turut mengungkapkan pelbagai isu dan persoalan yang berlegar dalam ruang lingkup dunia kanak-kanak.

### 1.7.5 “Sayembara”

Sayembara adalah merujuk kepada peraduan atau pertandingan berbentuk kegiatan anjuran sesebuah organisasi dengan tujuan mendapatkan pemenang yang berkualiti untuk diiktiraf dan diberikan penghargaan. Lazimnya penganjuran peraduan atau pertandingan ini menawarkan sejumlah hadiah dalam pelbagai bentuk sebagai penghargaan kepada para pemenang yang telah menghasilkan karya atau persembahan yang baik dan bermutu. Sayembara dalam bahasa Inggeris, *contest* membawa maksud pertandingan, perlumbaan, peraduan dan lain-lain untuk mendapat hadiah (*Oxford Advanced Learner's Dictionary*, 1995). Menurut *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (2010), sayembara membawa makna yang sama dengan pertandingan, peraduan, perlawanan, perlumbaan dan musabaqah.

Dalam konteks kajian ini, sayembara yang dimaksudkan ialah peraduan menulis cerita kanak-kanak dalam genre novel dan HSPM yang dianjurkan oleh DBP. Sejarah pembangunan sastera di DBP melalui pertandingan dan anugerah bermula sebaik sahaja badan ini ditubuhkan pada 22 Jun 1956. Pada ketika itu, sayembara penulisan yang mula diadakan ialah Peraduan Mengarang Cerita Panjang pada tahun 1958. Dalam peraduan itu, beberapa buah novel bermutu telah berjaya dihasilkan seperti *Musafir* (1959), *Salina* (1961) dan *Desa Pingitan* (1964) yang akhirnya melahirkan tokoh-tokoh novelis dan sasterawan tempatan. Sungguhpun demikian, penganjuran peraduan peringkat awal ini adalah untuk karya-karya bacaan dewasa (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005).



Penganjuran sayembara penulisan untuk karya kanak-kanak bermula pada tahun 1960 melalui Peraduan Menulis DBP untuk genre cerpen kanak-kanak, diikuti dengan genre drama kanak-kanak pada tahun 1963, dan genre fiksyen sains pada tahun 1967 (Nor Alina Ong, 2007). DBP hanya mula menganjurkan peraduan menulis novel kanak-kanak pada tahun 1978 dan sehingga kini, sebanyak empat kategori penganjuran peraduan menulis novel kanak-kanak telah diadakan.

Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak DBP 1978 diadakan dengan tujuan untuk menggalakkan dan mempertinggi mutu penulisan serta mencungkil bakat penulis novel kanak-kanak. Peraduan yang dikendalikan oleh Bahagian Penerbitan Umum DBP ini tidak menetapkan tema tertentu novel yang perlu dihasilkan oleh peserta dalam iklan yang dikeluarkannya. Sungguhpun demikian, pihak penganjur menetapkan agar novel tersebut hendaklah sesuai untuk bacaan kanak-kanak dalam lingkungan usia 12 hingga 15 tahun dan ceritanya hendaklah berlatarbelakangkan masyarakat Malaysia masa kini. Pertandingan ini menawarkan hadiah sebanyak \$3,000.00 bagi hadiah tempat pertama, \$2,000.00 bagi hadiah tempat kedua, \$1,000.00 bagi hadiah tempat ketiga dan \$500.00 bagi lima hadiah penghargaan.

Seterusnya, sebagai langkah memperkembangkan dan mempelbagaikan bahan bacaan kanak-kanak, Bahagian Penerbitan Umum DBP telah menganjurkan Peraduan Menulis Novel Fiksyen Sains Kanak-kanak DBP pada tahun 1980. Peraduan ini antara lain bertujuan untuk mempergiatkan dan menggalakkan penulisan novel fiksyen sains kanak-kanak. Di samping itu, peraduan ini bertujuan untuk mendapatkan karya-karya yang bermutu bagi memperkayakan perbendaharaan kesusasteraan kanak-kanak serta memupuk minat kanak-kanak terhadap pengetahuan dalam bidang ilmu sains dan teknologi. Dalam peraduan ini, novel yang ditulis adalah khusus untuk bacaan kanak-kanak lingkungan usia sepuluh hingga 14 tahun. Pihak penganjur juga memberikan kebebasan kepada para peserta untuk memilih tema, namun hendaklah sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak yang ditetapkan dan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Dalam peraduan ini, pihak penganjur telah menawarkan hadiah wang tunai sebanyak \$2,500.00 untuk hadiah tempat pertama, \$2,000.00 untuk hadiah tempat kedua dan \$1,500.00 untuk hadiah tempat ketiga serta wang tunai \$500.00 untuk lima orang pemenang hadiah sagu hati.

Selanjutnya, DBP meneruskan komitmennya menganjurkan sayembara penulisan novel kanak-kanak melalui Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) pada tahun 1981. Tujuan dianjurkan peraduan ini adalah untuk mendapatkan karya-karya yang bermutu bagi memperkaya perbendaharaan kesusasteraan kanak-kanak. Selain itu, peraduan ini juga bertujuan untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap perkembangan sejarah dalam konteks pembinaan kerohanian mereka, di samping mencungkil bakat-bakat baharu dalam penulisan novel sejarah untuk kanak-kanak. Peraduan Menulis Novel

Sejarah (Kanak-kanak) DBP 1981 ini dikhususkan untuk mendapatkan novel bagi bacaan kanak-kanak berumur 12 hingga 15 tahun. Bahagian Penerbitan Umum DBP selaku setiausaha penganjuran peraduan ini tidak menetapkan tema tertentu kepada para peserta yang ingin menyertai peraduan ini. Sungguhpun demikian, mesej dalam novel yang dihasilkan haruslah mudah dan jelas serta dapat menanamkan semangat cintakan bangsa dan tanah air. Peraduan ini telah menawarkan hadiah sebanyak \$3,000.00 bagi hadiah tempat pertama, \$2,500.00 bagi hadiah tempat kedua, \$2,000.00 bagi hadiah tempat ketiga dan \$500.00 bagi tiga hadiah penghargaan.

